

**ALAM FLORA KUTIP 350 TAN SAMPAH DI KUALA TERENGGANU  
SEMPENA SAMBUTAN PERAYAAN AIDILADHA**

*Kuala Terengganu, 15 Julai 2022* – Sejumlah 350 tan sampah di kutip oleh Alam Flora Sdn. Bhd (Alam Flora) sepanjang tempoh program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) di sekitar Kuala Terengganu yang diantaranya termasuk Kampung Losong, Wakaf Mempelam dan Kampung Atas Tol.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif Alam Flora, Dato Mohd Zain Hassan berkata, bantuan yang bermula dari 7 hingga 14 Julai 2022 ini adalah untuk membantu Majlis Bandaraya Kuala Terengganu (MBKT) menguruskan sampah di daerah itu, bagi mengelakkan lambakan sampah yang meningkat semasa cuti hari raya Aidiladha sejak minggu lepas.

Alam Flora telah mengerakkan 11 buah jentera dan kenderaan, serta 27 orang kakitangan yang didatangkan khas dari Kuala Lumpur dan Pahang, untuk menjalankan kerja-kerja kutipan di sekitar Kuala Terengganu yang bermula dari jam 7 pagi hingga 3 petang. Manakala pada waktu malam pula, iaitu dari jam 7 malam hingga 3 pagi, Alam Flora ditugaskan untuk mengutip sampah di 27 lokasi yang terkenal dengan lambakkan sampah yang berlebihan bagi mengurangkan masalah lambakan ini di pusat-pusat tong pada keesokan harinya.

Mohd Zain menjelaskan bahawa pihak Alam Flora amat memahami keprihatinan masyarakat mengenai tahap kebersihan di sepanjang musim perayaan. Diakui bahawa alam sekitar yang kotor pastinya akan menjejaskan keceriaan menyambut perayaan bersama orang-orang tersayang.

“Bantuan dari Alam Flora itu juga diharapkan dapat membantu meneruskan hasrat kerajaan negeri untuk menjadikan negeri Terengganu tempat yang terbaik untuk didiami, apatah lagi negeri ini amat terkenal dengan tempat-tempat tarikan pelancong. Alhamdulillah, sampah-sampah dapat diuruskan dengan baik sebelum dan selepas perayaan Aidiladha pada tahun ini,” tambah beliau.

Beliau mengharapkan kerjasama erat antara MBKT dan Alam Flora dapat diteruskan lagi di masa akan datang bagi mengelakkan pencemaran alam sekitar serta pencemaran bau yang

tidak menyenangkan. Segala usaha dan kerjasama ini diharapkan dapat memastikan penduduk Kuala Terengganu dapat menikmati alam sekitar yang lebih indah, bersih dan menjadi kebanggaan bersama.

#### Info Ringkas

Jenis Jentera & Tong	Jumlah
Kompaktor (termasuk sebuah power press	4 buah
'Armroll" (2 buah tong RORO)	2 buah
High Pressure Jetter	1 buah
'Tailgate'	1 buah
Triton	1 buah
Motosikal	2 buah
Tong Roro	7 buah
Tong MGB 660	10 buah

#### **MENGENAI ALAM FLORA SDN BHD:**

*Alam Flora Sdn Bhd (Alam Flora), adalah anak syarikat Malakoff Corporation Berhad (Malakoff), yang ditubuhkan bagi memodenkan pengurusan sisa pepejal di Malaysia serta meningkatkan kecekapan dan mutu pengurusan sisa pepejal daripada peringkat penjanaan sisa sehingga ke proses pelupusan sampah. Alam Flora merupakan salah sebuah syarikat konsesi pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam di negara ini yang bertanggungjawab untuk memberi perkhidmatan di kawasan Tengah dan Pantai Timur Semenanjung, meliputi seluruh Kuala Lumpur, Putrajaya, Pahang, Terengganu dan Kelantan.*

**Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:**

**Jabatan Komunikasi dan Penjenamaan, Alam Flora Sdn Bhd**

Suriati Mokhtar | Ketua Jabatan | HP: 012.226.5799 | [suriati@alamflora.com.my](mailto:suriati@alamflora.com.my)

Farizan Hj. Yop | Penolong Pengurus | HP: 019.601.1678 | [farizan@alamflora.com.my](mailto:farizan@alamflora.com.my)